

Kerajaan kaji Amanat Haji Hadi

BH 31 MAR 2001

JEMPOL, Jumaat – Kerajaan akan mengkaji Amanat Haji Hadi yang menjadi punca kekeliruan dan perpecahan di kalangan umat Islam dari sudut undang-undang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, beliau setuju dengan pandangan pelbagai pihak supaya amanat itu dikaji dan mengambil tindakan terhadap mereka yang terbabit mengikut undang-undang berkaitan.

“Ya, kita akan kaji sedalam-dalamnya perkara ini,” katanya menjawab pertanyaan pemberita sama ada tindakan berkenaan akan diambil terhadap individu atau parti pembangkang terbabit, iaitu Pas.

Ditanya sama ada pasukan khas akan ditubuhkan bagi meng-

kaji Amanat Haji Hadi itu, Dr Mahathir berkata, Umno akan mengkaji perkara itu.

Selasa lalu, Timbalan Presiden Pas yang juga Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang tetap dengan pendiriannya tidak akan menarik balik ucapannya yang dijadikan Amanat Haji Hadi walaupun didesak pemimpin Umno.

Ucapan Hadi itu menimbulkan kontroversi dan dikatakan menjadi punca perpecahan masyarakat Melayu dan Islam di negara ini kerana wujudnya isu kafir mengkafir yang dibuatnya 7 April 1981 dalam satu majlis di Banggol Peradong dekat Kuala Terengganu.

Petikan ucapannya itu dikatakan mula disebar kepada penyokong Pas sebagai Amanat

Haji Hadi pada 1983.

Sebelum itu, Dr Mahathir yang turut diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, mengadakan perjumpaan tertutup dengan lebih 500 pemimpin peringkat akar umbi dari bahagian Jelebu dan Jempol, di Dewan Besar Pejabat Daerah Jempol, Bandar Baru Serting, di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim yang juga penasihat Umno bahagian Jelebu; Ketua Umno bahagian Jempol, Datuk Lilah Yasin dan Ketua Umno bahagian Jelebu, Yunus Rahmat.

Pemimpin Umno cawangan dari kedua-dua bahagian turut

diberi peluang menikmati jamuan tengah hari, termasuk hidangan daging rusa masak lemak cili api bersama Presiden Umno itu dan isteri di meja utama, manakala pemimpin Umno negeri di meja lain sebelum menunaikan fardu Jumaat bersama rakyat di Masjid Kuala Pilah.

Mengenai perjumpaan itu, Dr Mahathir berkata, beliau memberikan penjelasan pentingnya ahli Umno memperkasa sokongan kepada parti yang menjadi tunggak kerajaan Barisan Nasional (BN).

Katanya, beliau turut menjelaskan mengenai ketetapan mengenai fatwa penggunaan perkataan Islam dalam pertubuhan seperti yang diputuskan oleh Majlis Raja-raja Melayu, baru-baru ini.